

# Qalam

KDN 4244

Dhu al-Hijjah 1388 Mac 1969  
Bilangan 221 Harga 60 sen.

## Tugas bersama

*Allāhū Akbar! Allāhū Akbar! Allāhū Akbar!*

*Wa Lillāhi al-hamد!* Segala puji bagi Allah yang melimpahkan rahmat-Nya kepada seluruh alam dan membangkitkan Rasul-Nya Muhammad *ṣallā Allāhū 'alayhi wa sallam* saiyidi al-anām yang menyampaikan seruannya kepada seluruh manusia penghuni dunia dari matahari terbit membawa ke matahari terbenam.

Seruan yang dibawa Rasulullah *ṣallā Allāhū 'alayhi wa sallam* ialah menyeru umat manusia mengesakan Allah dan menyeru mereka berbuat baik dan menjauhkan kejahanan (*amar bi al-ma'rūf nahī 'ani al-munkar*).

Seruan Rasulullah itu menjadi satu amanah kepada tiap-tiap pemeluknya untuk dilaksanakan dan dikerjakan. Di dalam melaksanakan seruan menyeru kepada mentauhidkan Allah dan menyeru kepada jalan berbuat baik dan menegah kejahanan itu, maka hendaklah kita yang menyeru itu beramal lebih dahulu dengannya, berpandukan iman yang sebenarnya kepada Allah, dan membuat kebaikan di atas diri kita dan menjauhkan segala kejahanan-kejahanan daripada kita, ertinya kita sendiri jangan melakukan kerja-kerja jahat itu.

Dengan cara bergitu, baharulah seruannya memberi kesan dan baharulah

masyarakat itu akan sempurna dan pekerjaan-pekerjaannya dapat dilaksanakan dengan wajar, dan baharulah dapat di antara mereka terikat perasaan “*ukhuwwah Islāmiyyah*” yang kuat yang akan menimbulkan perasaan tolong-menolong dan bantu-membantu di antara satu dengan lain. Dapatlah semuanya dihalakan kepada satu matlamat yang utama - menegakkan kalimah tuhan, menunaikan segala kewajipan bersama dan bertolong bantu dalam melaksanakan usaha-usaha itu.

*Allāhū Akbar! Allāhū Akbar! Allāhū Akbar!* Kita di dalam Tanah Melayu ada mempunyai 11 buah pejabat agama Islam dan adat istiadat Melayu. Masing-masing dengan haluannya dan masing-masing dengan kuasa-kuasa yang ada kepada mereka yang diberi dan diserahkan oleh raja-raja mereka. Persoalan menjalankan dakwah di antara satu sama lain, berpisah-pisah dan masing-masing dengan cara dan kaedahnya – tidak ada persatuan dan tidak ada kerjasama yang rapat untuk bekerja dengan bersungguh-sungguh dalam menunaikan tugas “sakit satu anggota merasa sakit anggota yang lain.”

Kita katakan begitu, iaitu apabila timbul masalah orang Melayu masuk Kristian yang diberitakan di dalam akhbar-akhbar – pihak Pejabat Agama Johor mengatakan bahawa di negerinya tidak ada kejadian yang demikian. Ini seolah-olah berita yang menunjukkan tidak ada tanggungjawab bersama dan tidak ada penyatuan tenaga di antara satu dengan lain dan seolah-olah daerah dengan daerah itu terlepas tanggungjawabnya apabila ditempatnya tidak berlaku sesuatu yang tidak diingini.

Kita berharap persoalan dakwah seluruh Malaysia patut disatukan dan segenap tenaga patut ditumpukan ke arah jurusan satu dakwah agama tidak hanya sekadar menyeru dengan kata-kata sahaja tetapi dengan usaha dan perbuatan. Tidak ada dihidupkan gabungan dakwah malaysia yang membiayai dengan bantuan kerajaan, golongan dakwah yang akan berdakwah ke tempat-tempat Sakai dan orang-orang asli di Malaysia barat dan ke tempat-tempat Dayak di Malaysia Timur dengan mengadakan klinik-klinik kampung dan rumah-rumah perubatan Islam dan sebagainya yang berlatar belakang Islam.

Soal-soal dakwah seperti ini patut pula diusahakan di dalam peringkat-peringkat seluruh negara-negara Islam supaya mana-mana pihak yang mampu dan berdaya dapat membantu negara-negara yang lemah di dalam usahanya meluaskan dakwahnya sama ada ke Afrika atau ke Indonesia di tanah-tanah Karo dan Dayak yang sekarang pendakwah-pendakwah Kristian berkeliaran dengan dakyahnya bertopengkan saluran bantuan perubatan dan lain-lainnya.

*Allāhū Akbar!* Kita berharap dan bermohon ke hadrat Allah semoga di tanah air kita ini dapat dibina satu “Gabungan Dakwah Seluruh Malaysia” yang bertulang belakangkan jabatan-jabatan agama dan dianggotai oleh badan-badan dakwah dan orang-orang perseorangan; dan di dalam persidangan antara negara-negara Islam kelak dapatlah diadakan satu “Gabungan Dakwah International” yang dapat mengembeling tenaga kerjasama yang rapat di tiap-tiap negara Islam di dalam dakwah yang tidak sekali-kali melibatkan usaha-usaha dakwah yang akan dijalankan